**Privacy Policy**

Overview

Pay Direct Technology Sdn Bhd ("**BetterPay**") has developed this Privacy Policy to explain how we may collect, retain, process, share and transfer your Personal Data when you use our Services in line with the Personal Data Protection Act 2010 ("**PDPA**"). This Privacy Policy applies to your Personal Data when you visit Sites or use Services and does not apply to online websites or services that we do not own or control, including websites or services of other BetterPay Users.

By providing your Personal Data to BetterPay, you agree to the provisions of this Privacy Policy and the processing of your Personal Data as described in this Privacy Policy.

For the purposes of this Privacy Policy, the expression "**Personal Data**" and "**processing**" have the meaning ascribed to them in the PDPA (and the expression "**process**" shall therefore be construed accordingly).

## 1. What Personal Data Do We Collect?

We may collect information about you when you visit our Sites or use our Services, including the following:

(a) Registration and use information – When you register to use our Services by establishing an Account, we will collect Personal Data as necessary to offer and fulfil the Services you request. Depending on the Services you choose, we may require you to provide us with your name, postal address, telephone number, email address and identification information to establish an Account. We may require you to provide us with additional Personal Data as you use our Services.

(b) Transaction and experience information – When you use our Services, for example, to make purchases from merchants, to process payments, we collect information about the transaction, as well as other information associated with the transaction such as amount sent or requested, amount paid for products or services, merchant information, including information about any funding instruments used to complete the transaction, Technical Usage Data, and Geolocation Information.

(c) Participant information – When you use our Services, we collect Personal Data you provide us with the other participants associated with the transaction.

(d) Information that you choose to provide us to obtain additional Services or specific online Services – If you request or participate in an optional Site feature, or request enhanced Services or other elective functionality, we may collect additional information from you. We will provide you with a separate notice at the time of collection if the use of that information differs from the uses disclosed in this Privacy Policy.

(e) Information about you from third-party sources – We obtain information from third-party sources such as merchants, data providers, and credit bureaus, where permitted by law.

(f) Other information we collect related to your use of our Sites or Services – We may collect additional information from or about you when you communicate with us, contact our customer support teams or respond to a survey.

## 2. Why Do We Retain Personal Data?

We retain Personal Data to fulfil our legal or regulatory obligations and for our business purposes. We may retain Personal Data for longer periods than required by law if it is in our legitimate business interests and not prohibited by law. If your Account is closed, we may take steps to mask Personal Data and other information, but we reserve our ability to retain and access the data for so long as required to comply with applicable laws. We will continue to use and disclose such Personal Data in accordance with this Privacy Policy.

## 3. How Do We Process or Disclose Personal Data?

We may share your Personal Data or other information about you with others in a variety of ways as described in this section of the Privacy Policy.

We may share your Personal Data or other information for the following reasons:

(a) With other members of the BetterPay corporate family: We may share your Personal Data with members of the BetterPay family of entities, among other things, provide the Services you have requested or authorized; to manage risk; to help detect and prevent potentially illegal and fraudulent acts and other violations of our policies and agreements; and to help us manage the availability and connectivity of BetterPay products, Services, and communications.

(b) With other companies that provide services to us: We may share Personal Data with third-party service providers that perform services and functions at our

direction and on our behalf. These third-party service providers may, for example, provide you with Services, verify your identity, assist in processing transactions or provide customer support.

(c) With the other parties to transactions when you use the Services, such as other Users, merchants, and their service providers: We may share information about you and your account with the other parties involved in processing your transactions. This includes other Users you are sending or receiving funds from merchants and their service providers when you use the Services to pay for goods or services. The information includes:

a. Personal Data and Account information necessary to facilitate the transaction;

b. information to help other participants (s) resolve disputes and detect and prevent fraud; and

c. aggregated data and performance analytics to help merchants better understand Users and to help merchants enhance Users' experiences.

(d) With other third parties for our business purposes or as permitted or required by law: We may share information about you with other parties for BetterPay business purposes or as permitted or required by law, including:

a. if we need to do so to comply with a law, legal process or regulations; law enforcement, regulators, government officials, or other third parties in relation to a subpoena, court order, or other legal process or requirement under Malaysian law or regulation, or the laws and regulations of other jurisdictions that are applicable to BetterPay or one of its affiliates; when we need to do so to comply with such law or credit card rules; or when we believe, in our sole discretion, that the disclosure of Personal Data is necessary or appropriate to prevent physical harm or financial loss; or to report suspected illegal activity or to in BetterPay violations of a user agreement; to protect the vital interests of a person;

b. to protect our property, Services and legal rights;

c. to help assess and manage risk and prevent fraud against us, our Users and fraud involving our Sites or use of our Services, including fraud that

occurs at or involve BetterPay our business partners and strategic ventures, other individuals and merchants;

d. to companies that we plan to merge with or be acquired by; and

e. to support our audit, compliance, and corporate governance functions.

(e) With your consent: We also will share your Personal Data and other information with your consent or direction, including if you authorize an account connected with a third-party account or platform.

(f) With law enforcement agencies, for the purpose of preventing and/or detecting crime, investigations and/or the apprehension or prosecution of offenders and/or protection of national security and/or any purpose that is required or authorised by or under any law, order or judgment of a court.

## 4. The Purposes of Processing Your Personal Data

We may process your information for the following reasons:

(a) To operate the Sites and provide the Services, including to:

a. initiate a payment;

b. authenticate your access to an Account;

c. communicate with you about your Account, the Sites, the Services, or BetterPay;

d. create an account connection between your Account and a third-party account or platform; and

e. perform credit worthiness and other financial standing checks, evaluate applications, and compare information for accuracy and verification purposes.

(b) To keep your Account and financial information up to date.

(c) To manage our business needs, such as monitoring, analyzing, and improving the Services and the Sites' performance and functionality. For example, we analyze User behaviour and perform research about the way you use our Services.

(d) To manage risk and protect the Sites, the Services and you from fraud by verifying your identity. BetterPay's risk and fraud tools use Personal Data, Device

Information, Technical Usage Data and Geolocation Information from our Sites and websites that offer BetterPay Services to help detect and prevent fraud and abuse of the Services.

(e) To provide personalized Services offered by BetterPay on third-party websites and online services. We may use your Personal Data and other information collected in accordance with this Privacy Policy to provide a targeted display, feature, Services or offer to you on third-party websites.

(f) We may use cookies and other tracking technologies to provide these online services and/or work with other third-parties such as merchant's, advertising or analytics companies to provide these online services.

(g) To comply with our obligations and to enforce the terms of our Sites and Services, including to comply with all applicable laws and regulations.

(h) To respond to your requests, for example, to contact you about a question you submitted to our customer service team.

(i) For purposes related to or in connection with the agreements, terms of services and/or our rules and policies with respect to our products or service (including, but not limited to, monitoring compliance and enforcement of rights).

(j) To conduct research for analytical purposes including, without limitation, knowledge discovery in data and analysis of transactions with us.

(k) For such other purposes that is incidental or ancillary or in furtherance to the above purposes.

## 5. How Do We Use Cookies & Tracking Technologies?

When you visit our Sites, use our Services, or visit a third-party website for which we provide online Services, we and our business partners and vendors may use cookies and other tracking technologies (collectively, "Cookies") to recognize you as a User and to customize your online experiences, the Services you use, and other online content and advertising; measure the effectiveness of promotions and perform analytics; and to mitigate risk, prevent potential fraud, and promote trust and safety across our Sites and Services. Certain aspects and features of our Services and Sites are only available through the use of Cookies, so if you choose to disable or decline Cookies, your use of the Sites and Services may be limited or not possible.

## 6. What Privacy Choices Are Available to You?

You have choices when it comes to the privacy practices and communications described in this Privacy Policy. Many of your choices may be explained at the time you sign up for or use a Service or in the context of your use of a Site. You may be provided with instructions and prompts within the experiences as you navigate the Services.

Choices Relating to the Personal Data We Collect

(i) Personal Data. You may decline to provide Personal Data when it is requested by BetterPay, but certain Services or all of the Services may be unavailable to you.

(ii) Location and other device-level information. The device you use to access the Sites or Services may collect information about you, including Geolocation Information and User usage data that BetterPay may then collect and use.

Choices Relating to Cookies

You may have options available to manage your cookies preferences. For example, your browser or internet device may allow you to delete, disable, or block certain cookies and other tracking technologies. You may choose to enable these options but doing so may prevent you from using many of the core features and functions available on a Service or Site.

You may have an option regarding the use of cookies and other tracking technologies when you use a Service or visit parts of a Site. For example, you may be asked if you want the Service or Site to “remember” certain things about you, and we will use cookies and other tracking technologies to the extent that you permit them.

## 7. Refusal to Provide Personal Data

Where indicated (in the Sites or any agreement), it is obligatory to provide your Personal Data to us to enable us to process your application for our products and/or services. Should you decline to provide such Personal Data, we may not be able to process such applications, or provide and/or continue to provide our products and/or services.

## 8. Transfer of Personal Data

We may transfer your Personal Data to places outside Malaysia (including, without limitation, where: (i) any of our service providers or partners who are involved in providing part of our product and/or service; or (ii) outsourced data storage or data processing

services for and on behalf of us is located outside Malaysia or has servers and/or related equipment outside Malaysia). You consent to us transferring your Personal Data to places outside Malaysia in these instances. We may also transfer your Personal Data to places outside Malaysia where permitted by law.

**9. How Do We Protect Your Personal Data?**

We maintain technical, physical, and administrative security measures designed to provide reasonable protection for your Personal Data against loss, misuse, unauthorized access, disclosure, and alteration. The security measures include firewalls, data encryption, physical access controls to our data and information access authorization controls. While we are dedicated to securing our systems and Services, you are responsible for securing and maintaining the privacy of your password(s) and Account/profile registration information and verifying that the Personal Data we maintain about you is accurate and current. We are not responsible for protecting any Personal Data that we share with a third-party based on an account connection that you have authorized.

**10. Your rights**

You may request access to and correction of your Personal Data and/or limit the processing of your Personal Data (including personal data relating to other persons who may be identified from that personal data), or make any enquiries or complaints in respect of your Personal Data, by contacting us at the email address or contact number available at the Sites. In relation to either a data access request or a data correction request, you should quote your name, address and phone or account number and provide brief details of the information you want a copy of or, as the case may be, you want to have corrected, in any such request. Please note that we may decline to comply with your data access request in accordance with the PDPA. We shall be entitled to charge a fee (where permitted under the applicable law) for any data access request.

**11. Changes to This Privacy Policy**

We reserve the right to modify, update or amend this Privacy Policy at any time and the updated version shall apply and supersede any and all previous versions. You are encouraged to check our website and re-visit this Privacy Policy periodically for our most up-to-date Privacy Policy.

**Dasar Privasi**

Gambaran Keseluruhan

Pay Direct Technology Sdn Bhd ("**BetterPay**") telah membangunkan Dasar Privasi ini untuk menjelaskan bagaimana kami boleh mengumpul, menyimpan, memproses, berkongsi dan memindahkan Data Peribadi anda apabila anda menggunakan Perkhidmatan kami selaras dengan Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 ("**Akta**"). Dasar Privasi ini terpakai kepada Data Peribadi anda apabila anda melawat Laman atau menggunakan Perkhidmatan dan tidak terpakai kepada laman web atau perkhidmatan dalam talian yang tidak kami miliki atau kawal, termasuk laman web atau perkhidmatan Pengguna BetterPay lain.

Dengan memberikan Data Peribadi anda kepada BetterPay, anda bersetuju dengan peruntukan-peruntukan Dasar Privasi ini dan pemprosesan Data Peribadi anda sepertimana yang dinyatakan dalam Dasar Privasi ini.

Bagi tujuan Dasar Privasi ini, ungkapan "**Data Peribadi**" dan "**pemprosesan**" mempunyai maksud yang diberikan kepada mereka dalam Akta (dan ungkapan "**memproses**" mesti ditafsirkan dengan sewajarnya).

**1. Apakah Data Peribadi yang Kami Kumpul?**

Kami boleh mengumpul maklumat tentang anda apabila anda melawat Laman kami atau menggunakan Perkhidmatan kami, termasuk yang berikut:

(a) Maklumat pendaftaran dan penggunaan – Apabila anda mendaftar untuk menggunakan Perkhidmatan kami dengan mewujudkan Akaun, kami akan mengumpul Data Peribadi yang diperlukan untuk menawarkan dan memenuhi Perkhidmatan yang anda minta. Bergantung pada Perkhidmatan yang anda pilih, kami boleh memerlukan anda untuk memberikan nama, alamat pos, nombor telefon, alamat e-mel dan maklumat identifikasi anda untuk mewujudkan Akaun. Kami boleh memerlukan anda untuk memberikan Data Peribadi tambahan semasa anda menggunakan Perkhidmatan kami.

(b) Maklumat transaksi dan pengalaman – Apabila anda menggunakan Perkhidmatan kami, contohnya, untuk membuat pembelian daripada peniaga, untuk memproses pembayaran, kami mengumpul maklumat tentang transaksi, serta maklumat lain yang berkaitan dengan transaksi tersebut seperti jumlah yang dihantar atau diminta, jumlah yang dibayar untuk produk atau perkhidmatan, maklumat peniaga,

termasuk maklumat tentang apa-apa instrumen pembiayaan yang digunakan untuk menyelesaikan transaksi tersebut, Data Penggunaan Teknikal, dan Maklumat Geolokasi.

(c) Maklumat peserta – Apabila anda menggunakan Perkhidmatan kami, kami mengumpul Data Peribadi yang anda berikan kepada kami dengan peserta lain yang berkaitan dengan transaksi tersebut.

(d) Maklumat yang anda pilih untuk memberikan kepada kami untuk mendapatkan Perkhidmatan tambahan atau Perkhidmatan dalam talian tertentu – Sekiranya anda meminta atau menyertai ciri Laman pilihan, atau meminta Perkhidmatan yang dipertingkatkan atau fungsi pilihan lain, kami boleh mengumpul maklumat tambahan daripada anda. Kami akan memberikan anda notis berasingan pada masa pengumpulan sekiranya penggunaan maklumat tersebut berbeza daripada penggunaan yang didedahkan dalam Dasar Privasi ini.

(e) Maklumat tentang anda daripada sumber-sumber pihak ketiga – Kami memperoleh maklumat daripada sumber pihak ketiga seperti peniaga, pembekal data, dan biro kredit, di mana dibenarkan oleh undang-undang.

(f) Maklumat lain yang kami kumpulkan berkaitan dengan penggunaan Laman atau Perkhidmatan anda – Kami mungkin mengumpul maklumat tambahan daripada atau tentang anda apabila anda berkomunikasi dengan kami, menghubungi pasukan-pasukan sokongan pelanggan kami atau menjawab tinjauan.

## 2. Mengapakah Kami Menyimpan Data Peribadi?

Kami menyimpan Data Peribadi untuk memenuhi kewajipan undang-undang atau peraturan kami dan untuk tujuan perniagaan kami. Kami mungkin menyimpan Data Peribadi untuk tempoh yang lebih lama daripada yang dikehendaki oleh undang-undang jika ia adalah dalam kepentingan perniagaan yang sah dan tidak dilarang oleh undang-undang. Jika Akaun anda ditutup, kami boleh mengambil langkah-langkah untuk menyamarkan Data Peribadi dan maklumat lain, tetapi kami mempunyai hak untuk menyimpan dan mengakses data selama mana yang diperlukan untuk mematuhi undang-undang yang terpakai. Kami akan terus menggunakan dan mendedahkan Data Peribadi tersebut mengikut Dasar Privasi ini.

## 3. Bagaimanakah Kami Memproses atau Mendedahkan Data Peribadi?

Kami boleh berkongsi Data Peribadi anda atau maklumat lain tentang anda dengan orang lain dengan pelbagai cara sepertimana yang dinyatakan dalam bahagian Dasar Privasi ini.

Kami mungkin berkongsi Data Peribadi anda atau maklumat lain atas sebab-sebab berikut:

(a) **Dengan ahli keluarga korporat BetterPay yang lain:** Kami boleh berkongsi Data Peribadi anda dengan ahli-ahli keluarga entiti BetterPay, antara lain, menyediakan Perkhidmatan yang anda minta atau benarkan; untuk mengurus risiko; untuk membantu mengesan dan menghalang perbuatan haram dan penipuan yang berpotensi berlaku serta pelanggaran dasar dan perjanjian kami yang lain; dan untuk membantu kami menguruskan ketersediaan dan ketersambungan produk, Perkhidmatan, dan komunikasi BetterPay.

(b) **Dengan syarikat lain yang membekalkan perkhidmatan kepada kami:** Kami boleh berkongsi Data Peribadi dengan pembekal-pembekal perkhidmatan pihak ketiga yang melaksanakan perkhidmatan dan fungsi mengikut arahan kami dan bagi pihak kami. Pembekal-pembekal perkhidmatan pihak ketiga ini mungkin, sebagai contoh, memberikan Perkhidmatan kepada anda, mengesahkan identiti anda, membantu dalam memproses transaksi atau menyediakan sokongan pelanggan.

(c) **Dengan pihak lain kepada transaksi apabila anda menggunakan Perkhidmatan, seperti Pengguna lain, peniaga, dan pembekal perkhidmatan mereka:** Kami mungkin berkongsi maklumat tentang anda dan akaun anda dengan pihak lain yang terlibat dalam pemprosesan transaksi anda. Ini termasuk Pengguna lain yang anda hantar atau terima dana daripada peniaga dan pembekal perkhidmatan mereka apabila anda menggunakan Perkhidmatan untuk membayar untuk barang-barang atau perkhidmatan. Maklumat ini termasuk:

a. Data Peribadi dan maklumat Akaun yang diperlukan untuk memudahkan transaksi;

b. maklumat untuk membantu peserta lain menyelesaikan pertikaian dan mengesan dan mencegah penipuan; dan

c. data agregat dan analitik prestasi untuk membantu peniaga lebih memahami Pengguna dan membantu peniaga meningkatkan pengalaman Pengguna.

(d) Dengan pihak ketiga lain untuk tujuan perniagaan kami atau sepertimana yang dibenarkan atau diperlukan oleh undang-undang: Kami mungkin berkongsi maklumat tentang anda dengan pihak lain untuk tujuan perniagaan BetterPay atau sepertimana yang dibenarkan atau diperlukan oleh undang-undang, termasuk:

a. sekiranya kami perlu melakukannya untuk mematuhi undang-undang, proses undang-undang atau peraturan; penguatkuasa undang-undang, pengawal selia, pegawai kerajaan, atau pihak ketiga lain berhubung dengan sapina, perintah mahkamah, atau proses undang-undang atau keperluan lain di bawah undang-undang atau peraturan Malaysia, atau undang-undang dan peraturan bidang kuasa lain yang terpakai kepada BetterPay atau salah satu afiliasinya; apabila kami perlu melakukannya untuk mematuhi dengan undang-undang tersebut atau peraturan kad kredit; atau apabila kami percaya, mengikut budi bicara mutlak kami, bahawa pendedahan Data Peribadi adalah perlu atau wajar untuk mengelakkan bahaya fizikal atau kerugian kewangan; atau untuk melaporkan aktiviti yang disyaki haram atau pelanggaran perjanjian pengguna oleh BetterPay; untuk melindungi kepentingan vital seseorang;

b. untuk melindungi harta, Perkhidmatan dan hak undang-undang kami;

c. untuk membantu menilai dan menguruskan risiko dan mencegahkan penipuan terhadap kami, Pengguna kami dan penipuan yang melibatkan Laman atau penggunaan Perkhidmatan kami, termasuk penipuan yang berlaku di atau melibatkan BetterPay, rakan kongsi perniagaan kami dan usaha strategik, individu dan peniaga lain;

d. kepada syarikat yang kami merancang untuk bergabung atau diperoleh; dan

e. untuk menyokong fungsi-fungsi audit, pematuhan, dan tadbir urus korporat kami.

(e) Dengan kebenaran anda: Kami juga akan berkongsi Data Peribadi anda dan maklumat lain dengan kebenaran atau arahan anda, termasuk sekiranya anda membenarkan akaun yang disambungkan dengan akaun atau platform pihak ketiga.

(f) Dengan agensi penguatkuasaan undang-undang, untuk tujuan mencegah dan/atau mengesan jenayah, penyiasatan dan/atau penangkapan atau pendakwaan pesalah dan/atau perlindungan keselamatan negara dan/atau mana-mana tujuan yang dikehendaki atau dibenarkan oleh atau di bawah mana-mana undang-undang, perintah atau penghakiman mahkamah.

**4. Tujuan-tujuan Kami Memproses Data Peribadi Anda**

Kami boleh memproses maklumat anda atas sebab-sebab berikut:

(a) Untuk mengendalikan Laman dan menyediakan Perkhidmatan, termasuk untuk:

a. memulakan pembayaran;

b. mengesahkan akses anda kepada Akaun;

c. berkomunikasi dengan anda tentang Akaun anda, Laman, Perkhidmatan, atau BetterPay;

d. membuat hubungan akaun antara Akaun anda dan akaun atau platform pihak ketiga; dan

e. melaksanakan pemeriksaan kelayakan kredit dan kedudukan kewangan lain, menilai permohonan, dan membandingkan maklumat untuk tujuan ketepatan dan pengesahan.

(b) Untuk memastikan Akaun anda dan maklumat kewangan kemas kini.

(c) Untuk menguruskan keperluan perniagaan kami, seperti memantau, menganalisis, dan memperbaik Perkhidmatan serta prestasi dan fungsi Laman. Contohnya, kami menganalisis tingkah laku Pengguna dan menjalankan penyelidikan tentang cara anda menggunakan Perkhidmatan kami.

(d) Untuk menguruskan risiko dan melindungi Laman, Perkhidmatan, dan anda daripada penipuan dengan mengesahkan identiti anda. Alat risiko dan penipuan BetterPay menggunakan Data Peribadi, Maklumat Peranti, Data Penggunaan Teknikal, dan Maklumat Geolokasi daripada Laman kami dan laman web yang

menawarkan Perkhidmatan BetterPay untuk membantu mengesan dan mencegah penipuan dan penyalahgunaan Perkhidmatan.

(e) Untuk menyediakan Perkhidmatan diperbadikan yang ditawarkan oleh BetterPay di laman web dan perkhidmatan dalam talian pihak ketiga. Kami boleh menggunakan Data Peribadi anda dan maklumat lain yang dikumpulkan mengikut Dasar Privasi ini untuk menyediakan paparan, ciri, Perkhidmatan, atau tawaran yang disasarkan kepada anda di laman web pihak ketiga.

(f) Kami mungkin menggunakan kuki dan teknologi penjejakan lain untuk menyediakan perkhidmatan dalam talian ini dan/atau bekerjasama dengan pihak ketiga lain seperti peniaga, syarikat-syarikat pengiklanan atau analitik untuk menyediakan perkhidmatan dalam talian ini.

(g) Untuk mematuhi kewajipan kami dan menguatkuasakan terma-terma Laman dan Perkhidmatan kami, termasuk mematuhi semua undang-undang dan peraturan terpakai.

(h) Untuk membalas permintaan anda, contohnya, untuk menghubungi anda mengenai soalan yang anda ajukan kepada pasukan perkhidmatan pelanggan kami.

(i) Untuk tujuan berkaitan atau berhubungan dengan perjanjian, terma perkhidmatan, dan/atau peraturan-peraturan dan dasar-dasar kami yang berkenaan dengan produk atau perkhidmatan kami (termasuk tetapi tidak terhad kepada, memantau pematuhan dan penguatkuasaan hak).

(j) Untuk menjalankan penyelidikan untuk tujuan analitikal termaksud, tanpa had, penemuan pengetahuan dalam data dan analisis transaksi dengan kami.

(k) Untuk tujuan lain yang bersampingan atau sekunder atau bagi memajukan tujuan di atas.

## 5. Bagaimana Kami Menggunakan Kuki dan Teknologi Penjejakan?

Apabila anda melawat Laman kami, menggunakan Perkhidmatan kami, atau melawat laman web pihak ketiga yang kami sediakan Perkhidmatan dalam talian, kami dan rakan perniagaan dan pembekal kami mungkin menggunakan kuki dan teknologi penjejakan lain (secara kolektif, "Kuki") untuk mengenal pasti anda sebagai Pengguna dan untuk menyesuaikan pengalaman dalam talian anda, Perkhidmatan yang anda gunakan, dan

kandungan serta pengiklanan dalam talian lain; mengukur keberkesanan promosi dan menjalankan analitik; serta untuk mengurangkan risiko, mencegah penipuan berpotensi, dan mempromosikan kepercayaan dan keselamatan di seluruh Laman dan Perkhidmatan kami. Aspek-aspek dan ciri-ciri tertentu Perkhidmatan dan Laman kami hanya tersedia melalui penggunaan Kuki, oleh itu sekiranya anda memilih untuk melumpuhkan atau menolak Kuki, anda mungkin tidak boleh menggunakan Laman dan Perkhidmatan ataupun penggunaan Laman dan Perkhidmatan anda mungkin terhad.

## 6. Apakah Pilihan Privasi yang Tersedia untuk Anda?

Anda mempunyai pilihan-pilihan berkaitan dengan amalan privasi dan komunikasi yang dinyatakan dalam Dasar Privasi ini. Kebanyakan pilihan anda mungkin dijelaskan pada masa anda mendaftar atau menggunakan Perkhidmatan atau dalam konteks penggunaan Laman anda. Anda mungkin diberikan arahan dan peringatan dalam pengalaman tersebut semasa anda melayari Perkhidmatan.

<u>Pilihan Berkaitan dengan Data Peribadi yang Kami Kumpulkan</u>

(i) Data Peribadi. Anda boleh menolak untuk memberikan Data Peribadi apabila diminta oleh BetterPay, tetapi beberapa Perkhidmatan tertentu atau semua Perkhidmatan mungkin tidak tersedia untuk anda.

(ii) Lokasi dan maklumat peringkat peranti yang lain. Peranti yang anda gunakan untuk mengakses Laman atau Perkhidmatan boleh mengumpul maklumat tentang anda, termasuk Maklumat Geolokasi dan data penggunaan Pengguna yang mungkin dikumpulkan dan digunakan kemudian oleh BetterPay.

<u>Pilihan Berkaitan dengan Kuki</u>

Anda mungkin mempunyai pilihan yang tersedia untuk menguruskan kuki pilihan anda. Sebagai contoh, pelayar atau peranti internet anda mungkin membenarkan anda untuk memadam, melumpuhkan, atau menyekat kuki tertentu dan teknologi pengesanan lain. Anda boleh memilih untuk membolehkan pilihan-pilihan ini tetapi membuat demikian mungkin akan menghalang anda daripada menggunakan banyak ciri dan fungsi teras yang tersedia dalam sesuatu Perkhidmatan atau Laman.

Anda mungkin mempunyai pilihan berkenaan dengan penggunaan kuki dan teknologi penjejakan lain apabila anda menggunakan Perkhidmatan atau melawat bahagian-bahagian sesuatu Laman. Sebagai contoh, anda mungkin ditanya jika anda mahu

Perkhidmatan atau Laman "mengingati" sesuatu tentang anda, dan kami akan menggunakan kuki dan teknologi penjejakan lain setakat yang anda membenarkannya.

**7. Penolakan untuk Memberikan Data Peribadi**

Di mana dinyatakan (di dalam Laman atau apa-apa perjanjian), ia adalah wajib untuk memberikan Data Peribadi anda kepada kami untuk membolehkan kami memproses permohonan anda untuk produk dan/atau perkhidmatan kami. Sekiranya anda enggan memberikan Data Peribadi tersebut, kami mungkin tidak dapat memproses permohonan tersebut, atau memberikan dan/atau terus memberikan produk dan/atau perkhidmatan kami.

**8. Pemindahan Data Peribadi**

Kami boleh memindahkan Data Peribadi anda ke tempat di luar Malaysia (termasuk, tanpa had, di mana: (i) mana-mana pembekal perkhidmatan atau rakan kongsi kami yang terlibat dalam menyediakan sebahagian daripada produk dan/atau perkhidmatan kami; atau (ii) perkhidmatan penyimpanan data atau pemprosesan data sumber luar bagi dan atas nama kami terletak di luar Malaysia atau mempunyai pelayan dan/atau peralatan berkaitan di luar Malaysia). Anda memberi persetujuan kepada pemindahan Data Peribadi anda ke tempat-tempat di luar Malaysia dalam keadaan-keadaan ini. Kami juga boleh memindahkan Data Peribadi anda ke tempat-tempat di luar Malaysia di mana dibenarkan oleh undang-undang.

**9. Bagaimana Kami Melindungi Data Peribadi Anda?**

Kami mengekalkan langkah-langkah keselamatan teknikal, fizikal, dan pentadbiran yang direka untuk memberikan perlindungan yang munasabah bagi Data Peribadi anda terhadap kehilangan, penyalahgunaan, akses tanpa kebenaran, pendedahan, dan pengubahan. Langkah-langkah keselamatan tersebut termasuk tembok api, penyulitan data, kawalan akses fizikal kepada data kami, dan kawalan kelulusan akses maklumat. Walaupun kami komited untuk menjaminkan sistem dan Perkhidmatan kami, anda bertanggungjawab untuk menjaminkan dan mengekalkan privasi kata(-kata) laluan anda dan maklumat pendaftaran Akaun/profil anda serta mengesahkan Data Peribadi yang kami kekalkan tentang anda adalah tepat dan terkini. Kami tidak bertanggungjawab untuk melindungi sebarang Data Peribadi yang kami kongsi dengan pihak ketiga berdasarkan sambungan akaun yang telah anda luluskan.

**10. Hak-hak Anda**

Anda boleh meminta akses kepada dan pembetulan Data Peribadi anda dan/atau mengehadkan pemprosesan Data Peribadi anda (termasuk data peribadi yang berkaitan dengan individu lain yang mungkin dikenal pasti daripada data peribadi tersebut), atau membuat sebarang pertanyaan atau aduan berkenaan dengan Data Peribadi anda, dengan menghubungi kami di alamat e-mel atau nombor telefon yang terdapat di Laman. Berkaitan dengan permintaan akses data atau permintaan pembetulan data, anda patut menyebut nama, alamat, dan nombor telefon atau akaun dan memberikan butiran ringkas mengenai maklumat yang anda mahu sesalinan atau, sepertimana kes yang mungkin, yang anda ingin betulkan, dalam sebarang permintaan sedemikian. Sila ambil perhatian bahawa kami boleh menolak untuk mematuhi permintaan akses data anda mengikut Akta. Kami berhak untuk mengenakan bayaran (di mana dibenarkan di bawah undang-undang terpakai) untuk sebarang permintaan akses data.

**11. Perubahan kepada Dasar Privasi ini**

Kami berhak untuk mengubahsuai, mengemaskini, atau meminda Dasar Privasi ini pada bila-bila masa dan versi yang dikemaskini akan terpakai dan menggantikan semua versi sebelumnya. Anda digalakkan untuk menyemak laman web kami dan melawat Dasar Privasi ini semula secara berkala untuk Dasar Privasi kami yang paling terkini.